



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,216 kes** (343,953 kes kumulatif, 95.3%);
- Kes baharu : **1,739 kes** (360,856 kes kumulatif);
- Kes import : **8 kes** (3 warganegara, 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **1,731 kes** [1,343 warganegara (77.6%); 388 bukan warganegara (22.4%)];
- Kes aktif : **15,574 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **183 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **81 kes**; dan
- Kes kematian : **8 kes** (1,329 kes kumulatif, 0.37%; 8 warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **535 kes (30.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **441 kes (82.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **443 kes (25.5 peratus)** dan Sabah sebanyak **127 kes (7.3 peratus)**.

Sebanyak **56 kes (3.2 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas (44 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (9 kes), dan Kluster Tembok Tapah (3 kes).

Terdapat lapan (8) kes kematian pada hari ini yang melibatkan empat (4) kes di Selangor, dua (2) kes di WP Kuala Lumpur, dan masing-masing satu (1) kes di Sabah dan Johor. Kesemua kes melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 11 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,459 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **8 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,116 kluster** (termasuk **8 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Melor, Kluster Jalan i-Park Tiga, Kluster Industri Waja, Kluster Bukit Putra, Kluster Kampung Sungai Maong, Kluster Jalan Kabel Gemilang, Kluster Jalan Sungai Baong, dan Kluster Jalan Industri Tiga**);
- Jumlah kluster aktif : **343 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **50 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Cybersouth (180 kes), Kluster Jalan Kasawari (49 kes), dan Kluster Telok Mas (44 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lapan (8) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan lima (5) kluster tempat kerja dan tiga (3) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Jalan Kasawari	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Desaria	Selangor	Tempat Kerja
3	Jalan Bambang	Sarawak	Tempat Kerja
4	Jalan Badarudin	Sarawak	Tempat Kerja
5	Jalan Zainab	Kelantan	Tempat Kerja
6	Nanga Kelangas	Sarawak	Komuniti
7	Abak Bon	Sarawak	Komuniti
8	Meruntum	Sabah	Komuniti

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

11 April 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 11 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	535 (1)	120,055
<b>SABAH</b>	127	55,797
<b>JOHOR</b>	67	42,307
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	96 (6)	38,865
<b>SARAWAK</b>	443 (1)	20,001
<b>PULAU PINANG</b>	113	17,563
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	40	17,554
<b>PERAK</b>	50	13,771
<b>KEDAH</b>	40	8,806
<b>KELANTAN</b>	98	7,119
<b>MELAKA</b>	59	6,763
<b>PAHANG</b>	22	4,520
<b>TERENGGANU</b>	34	3,757
<b>WP LABUAN</b>	4	2,411
<b>WP PUTRAJAYA</b>	11	1,230
<b>PERLIS</b>	0	337
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,739 (8)</b>	<b>360,856</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 1,739 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 11 April 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 535 kes**

- 251 kes daripada kluster-kluster, termasuk 51 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kasawari dan Kluster Jalan Desaria**;
- 190 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 93 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 443 kes**

- 101 kes daripada kluster-kluster, termasuk 57 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Nanga Kelangas, Kluster Jalan Bambang, Kluster Abak Bon, dan Kluster Jalan Badarudin**;
- 244 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 97 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 127 kes**
  - 43 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Meruntum**;
  - 57 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 27 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 113 kes**
  - 40 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 51 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 98 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Zainab**;
  - 68 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 96 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - 51 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;



- Enam (6) kes import dari luar negara; dan
- 37 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor: 67 kes**
  - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 59 kes**
  - 49 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Perak: 50 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 40 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 40 kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 34 kes**
  - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 22 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 11 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Empat (4) kes** daripada kluster sedia ada.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan lapan (8) kes kematian pada 11 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1322	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan paru-paru kronik
1323	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	70	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1324	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, paru-paru kronik, dislipidemia, dan strok
1325	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik dan gout
1326	Sabah	Lelaki (WN)	67	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi dan asma
1327	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1328	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	69	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan penyakit bawaan darah
1329	Johor	Lelaki (WN)	57	Jenazah dibawa ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	-

\*WN merujuk kepada warganegara.

**Perincian lapan (8) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER JALAN KASAWARI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 11 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Kasawari, Kawasan Perusahaan Kebun Baru, Telok Panglima Garang, Kuala Langat. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 198 individu telah disaring, di mana **49 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER JALAN DESARIA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang, Gombak, dan Hulu Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354763) dilaporkan positif COVID-19 pada 8 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah institusi awam yang terletak di Jalan Desaria, Kampung Pulau Meranti, Puchong. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 193 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER JALAN BAMBANGAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Mukah dan Dalat di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354166) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak di Jalan Bambangan, Mukah. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 72 individu telah disaring, di mana **30 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER JALAN BADARUDIN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuching dan Samarahan di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354160) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Badarudin, Kuching. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 91 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER JALAN ZAINAB

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-353286) dilaporkan positif COVID-19

pada 6 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat yang terletak di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 286 individu telah disaring, di mana **51 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER NANGA KELANGAS**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Julau di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-350572) dilaporkan positif COVID-19 pada 4 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Nanga Kelangas, Sungai Merurun, Julau. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **37 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER ABAK BON**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Miri dan Subis di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-340251) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Mac 2021 hasil saringan pra pembedahan. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu rumah-rumah panjang yang didiami oleh kes-kes dalam kluster ini di Miri. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 175 individu telah disaring, di mana **34 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 8. KLUSTER MERUNTUM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Putatan dan Penampang di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-358071) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 April 2021 hasil saringan kontak rapat. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti majlis sosial di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Meruntum Fasa 3, Putatan. Sehingga 11 April 2021, sejumlah 72 individu telah disaring, di mana **8 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.